

Pesilat bawa pulang empat pingat emas

Berita Harian, 5 November 2014, Page 15

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Pesilat bawa pulang empat pingat emas

Pendekar, srikandi negara tidak hadapi masalah muncul juara

KEJOHANAN PENCAK SILAT ANTARABANGSA TERBUKA UZBEKISTAN

EMPAT pesilat utama yang dihantar mewakili Singapura dalam kejohanan antarabangsa Terbuka Uzbekistan dari 25 hingga 29 Oktober lalu telah pulang ke tanah air dengan membawa oleh-oleh empat pingat emas.

Juara dunia, Muhammad Shakir Juanda, dan juara Sukan SEA Myanmar, Muhammad Nur Alfian Jumaen, tidak menghadapi masalah mengatasi lawan masing-masing tetapi Muhammad Iqbal Abdul Rahman dan Nurul Shafiqah Mohd Saiful menghadapi saingan sengit daripada pesilat Malaysia yang turut menyertai kejohanan tersebut.

Dalam acara tanding Kelas F, Muhammad Nur Alfian mempamerkan ketangkasan untuk mara dari suku akhir dan menang dalam final selepas mengalahkan lawan dari Tashkent, Khalilov F, dengan keputusan 3-0.

Dalam Kelas H yang lebih berat, Muhammad Shakir juga tidak menghadapi masalah mengatasi lawan dari Tashkent, Karimov Sh, di separuh akhir dan Mohamad Robial Sobri dari Malaysia dalam final, kededua-duanya dengan keputusan 3-0.

Namun, dalam Kelas C wanita, Nurul Shafiqah menghadapi saingan sengit daripada Siti Farhanita Madin dari Malaysia dalam final sebelum menang 2-1.

► ISMAIL ALI ismail@sph.com.sg

Dalam acara seni, Muhammad Iqbal turut menghadapi saingan sengit sebelum muncul juara selepas memperoleh 457 mata, mengatasi peserta Malaysia yang mengumpul 452 mata dan peserta Uzbekistan, 441 mata.

Mengulas persembahan pesilat negara, Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, berkata mereka perlu menyesuaikan diri dengan suasana pertandingan yang agak kurang teratur memandangkan Persekutuan Pencak Silat Uzbekistan masih baru dalam menganjurkan kejohanan di peringkat antarabangsa.

Ini apabila pesilat Singapura diperlukan berdepan lawan masing-masing tanpa diberitahu lebih awal.

"Semangat pasukan turun sedikit ekoran masalah itu. Tetapi saya telah menaikkan semula semangat mereka dan meminta mereka supaya terus mara meneruskan perjuangan.

"Saya boleh katakan bahawa persembahan pesilat negara dalam kejohanan ini memuaskan tetapi ia masih boleh dipertingkatkan lagi.

"Dengan lebih banyak latihan bagi memperbaiki teknik dan kemahiran, prestasi pesilat negara boleh terus meledak," kata Sheik Alau'ddin.

Skuad pesilat negara dijadual meneruskan latihan untuk menghadapi dua kejohanan besar iaitu Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Phuket, Thai-

land, Januari ini dan Sukan SEA Singapura, Jun depan.

Persisi menghantar pesilatnya ke Uzbekistan untuk mendedahkan mereka berdepan lawan bertubuh lebih besar.

Pencak silat turut semakin mendapat pengiktirafan di negara-negara Asia Tengah dan Sheik Alau'ddin, sebagai Presiden Persekutuan Pencak Silat Asia, sedang berusaha gigih mempromosikan sukan itu dan menggalakkan penubuhan persekutuan silat bukan sahaja di rantau tersebut, malah di seluruh Asia.

Sejauh ini, tiga negara di Asia Tengah iaitu Kyrgyzstan, Tajikistan dan Turkmenistan sedang dalam proses menubuhkan persekutuan silat masing-masing.

“Saya boleh katakan bahawa persembahan pesilat negara dalam kejohanan ini memuaskan tetapi ia masih boleh dipertingkat lagi. Dengan lebih banyak latihan bagi memperbaiki teknik dan kemahiran, prestasi pesilat negara boleh terus meledak.”

– Sheik Alau’ddin
Yacoob Marican,
Ketua Pegawai
Eksekutif
Persekutuan Silat
Singapura (Persisi)



**HARUMKAN NAMA NEGARA DI
UZBEKISTAN:** (Dari kiri) Muhammad
Iqbal Abdul Rahman, Muhammad Shakir
Juanda, Sheik Alau’ddin Yaacob Marican,
Muhammad Nur Alfian Jumaen dan Nurul
Shafiqah Mohd Saiful menunjukkan
pingat emas yang dimenangi dalam
Terbuka Uzbekistan baru-baru ini. – Foto

Terbuka Uzbekistan baru-baru ini. – Foto
PERSISI